

Manifesto PAS 1955 tidak setuju merdeka - Dr. Mahathir

UMNO 24 APRIL 1955

ALOR SETAR 23 April — Timbalan Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa manifesto perjuangan PAS dalam tahun 1955 tidak setuju negara ini diberi kemerdekaan atau menerima kemerdekaan.

Kononnya kemerdekaan yang dituntut oleh UMNO adalah setengah masuk dan mereka (PAS) mahu rakyat dan negara ini terus dijajah oleh British.

Timbalan Perdana Menteri menyatakan ini untuk dikaji dan diteliti oleh golongan muda seluruh negara mengenai sejarah politik tanahair dan corak perjuangan UMNO dan PAS dalam tahun 1955 dulu di mana setengah dari golongan muda ini masih kecil dan belum dilahirkan.

Katanya, PAS telah mendakwa mereka mahu rakyat dan negara terus duduk di bawah naungan penjajah British kerana di bawah penjajahan itu, rakyat hidup lebih sihat.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika berucap merasmikan kursus politik dan pilihanraya di Sekolah Kebangsaan Sungai

oleh ribu-ribu keluarga penduduk negara ini", tambahnya.

Beliau kemudian meminta penduduk di FELDA itu membuktikan bahawa rancangan tersebut tidak berguna dan memberi faedah bagaimana yang diperkatakan oleh setengah-setengah golongan.

Menurutnya, golongan yang tidak mengakui kebaikan adanya FELDA itu adalah golongan yang tidak pandai bersyukur atas nikmat yang diterima dan tidak tahu berterima kasih di atas pemberian yang dimiliki sedangkan mereka mengecap hidup seharian di atas tanah rancangan itu.

Dengan itu beliau berharap golongan muda hari ini dapat menerima kenyataan dan jangan terpengaruh dengan cakap-cakap orang yang cuba mencari kedudukan dirinya.

Tiang 34 batu dari sini petang semalam.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, perjuangan kemerdekaan yang dituntut oleh pemimpin-pemimpin UMNO bukan untuk mencari kepentingan dan kedudukan tetapi adalah untuk mengelakkan rakyat di negara ini dari ditindas oleh penjajah.

"Setelah merdeka baulah pemimpin-pemimpin UMNO memikirkan usaha-usaha kemajuan yang patut diberi kepada rakyat meskipun rakyat tidak pernah meminta kemajuan tersebut pada masa itu.

Katanya, penubuhan rancangan pembangunan luar bandar adalah satu-satunya usaha UMNO yang paling berkesan dan berfaedah kepada kemajuan rakyat.

"Kerana melalui rancangan pembangunan luar bandar, wujudnya rancangan-rancangan kemajuan tanah seperti FELDA yang dinikmati

Datuk Sri Dr. Mahathir juga berkata, kerajaan tidak menolak ada rancangan-rancangan yang dibuat oleh kerajaan gagal seperti pembinaan dewan orangramai tetapi itu adalah kesalahan rakyat sendiri yang tidak pandai menggunakannya.

Menyebut mengenai cakap-cakap PAS, untuk memperjuangkan agama, ini s e m a t a mata omong kosong sahaja kerana selama 18 tahun mereka memerintah Kelantan tidak ada pun kemajuan agama yang berkesan dibuat oleh pemimpinnya katanya.

"Mereka bercakap sahaja berlandaskan agama tetapi bukan untuk memperjuangkan agama sebaliknya untuk mendapatkan undi", kata Datuk Sri Dr. Mahathir.